

PEACE SYRUP

Triprolidine hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (1.25mg/5mL / 30mg/5mL)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PEACE SYRUP
2. Bagaimana PEACE SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan PEACE SYRUP
4. Cara menggunakan PEACE SYRUP
5. Semasa menggunakan PEACE SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PEACE SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan PEACE SYRUP

PEACE SYRUP digunakan untuk melegakan bersin, hidung tersumbat and berair yang disebabkan oleh alahan yang bermusim dan penyebab lain yang tidak diketahui.

Bagaimana PEACE SYRUP berfungsi

Triprolidine merupakan kelas ubat yang dikenali sebagai anti-histamine. Ubat ini berfungsi untuk menyekat tindakan histamin yang merupakan sejenis bahan biologi dalam badan yang menyebabkan simptom seperti bersin, gatal, mata berair dan hidung berair. Pseudoephedrine adalah sejenis agen simpatomimetik yang berfungsi untuk mengecutkan saluran darah untuk melegakan kebengkakkan mukosa dan kesesakan hidung.

Sebelum menggunakan PEACE SYRUP

-Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil PEACE SYRUP jika anda mempunyai penyakit yang melibatkan jantung dan saluran darah, penyakit endokrin (hormon) dan alah terhadap formulasi ubat ini. Elakkan daripada mengambil PEACE SYRUP jika anda di bawah rawatan *monoamine oxidase inhibitors* (MOAIs) atau dalam tempoh 2 minggu selepas rawatan ini berhenti.

-Sebelum menggunakan PEACE SYRUP

Berbincang dengan doctor atau ahli farmasi mengenali pengambilan PEACE SYRUP jika anda sedang hamil atau menyusukan anak. Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti:

- glaukoma sudut sempit, (penglihatan yang terhad disebabkan tekanan dalam mata yang tinggi)
- halangan pyloroduodenum (halangan aliran keluar gastrik)

- pembesaran prostat
- kencing manis
- penyakit jantung iskemia
- perembesan hormon tiroid yang berlebihan
- kemerosotan fungsi buah pinggang dan hati yang teruk.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubat yang lain, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Elakkan penggunaan PEACE SYRUP dengan:

- *monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs), ubat untuk merawat kemurungan.
- analgesik narkotik, anestetik am, ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan.
- ubat penenang, ubat sedatif hipnotik, ubat yang digunakan untuk merawat masalah mental.
- alkohol
- *surgical skeletal muscle relaxant*, ubat untuk mengendurkan otot tulang semasa pembedahan.
- *central nervous system depressant* yang lain.
- ejen simpatomimetik.

Cara menggunakan PEACE SYRUP

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak ≥ 12 tahun:

10mL, 3 kali sehari

Kanak-kanak 6 –12 tahun:

5mL, 3 kali sehari

Kanak-kanak 2 – 5 tahun:

2.5mL, 3 kali sehari

-Bila perlu digunakan

PEACE SYRUP perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil dengan makanan atau perut kosong.

-Berapa lama perlu digunakan

PEACE SYRUP perlu diambil dengan tetap dan selama mengikut suruhan doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

Simptom keracunan triprolidine termasuk mengantuk, pening, tidak tetap kordinasi, lemah, konvulsi (pengecutan otot yang tidak terkawal) dan masalah pernafasan.

Manakala bagi pengambilan pseudoephedrine yang berlebihan adalah rangsangan pusat sistem saraf yang membawa kepada keterujaan, keresahan, pengucapan yang cepat, halusinasi (mendengar suara atau melihat benda yang sebenarnya tidak wujud), *hypertonicity* (ketegangan otot lebih tinggi) dan *hyperreflexia* (refleks yang terlalu aktif, atau terlalu responsif), pembesaran anak mata dan *tachycardia* (peningkatan denyutan jantung yang tidak normal). Dalam keracunan yang teruk *tachycardia* yang boleh membawa kepada aritmia jantung (denyutan jantung tidak teratur) yang boleh menjadi lebih teruk dengan membentuk *hypokalemia* (kekurangan kalium dalam darah).

Semasa menggunakan PEACE SYRUP

-Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil PEACE SYRUP. Ia perlu diberikan kepada wanita mengandung dan wanita yang menyusukan anak dalam pengawasan doktor.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

Jangan berikan untuk penggunaan kanak-kanak di bawah 2 tahun.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan PEACE SYRUP. Sila berhati-hati jika anda ingin memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini. Ia harus digunakan dengan berhati-hati oleh kanak-kanak berumur diantara 2-6 tahun.

Kesan-kesan sampingan

PEACE SYRUP mungkin akan menyebabkan kekeringan mulut, hidung dan kerongkong, sedasi, kesan mengantuk, pening, penyelarasan terganggu, tekanan darah rendah,

sakit kepala, perasaan degupan jantung yang rancak dan tidak normal, sakit di kawasan epigastrik, anoreksia (pengurangan berat badan yang melampau disebabkan kepada masalah pemakanan), loya, muntah dan pemekatan rembesan bronkial (kahak). Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan PEACE SYRUP

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

PEACE SYRUP perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

PEACE SYRUP merupakan sirap jernih yang berwarna jingga pudar.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Triprolidine Hydrochloride
Pseudoephedrine Hydrochloride

-Bahan tidak aktif:

Gula
Sodium Citrate
Sodium Benzoate
Sunset Yellow
Veltol Plus
Orange Powder

-Nombor MAL

MAL19985561AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/3/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180316/00081